

RESEARCH ARTICLE

MAQASID SYARIAH SEBAGAI SATU PANDUAN DALAM PENGURUSAN WARGA EMAS MUSLIM DI MALAYSIA

(Maqasid Syariah as a Guide for the Management of the Elderly Muslim in Malaysia)

Tuan Sidek T. M.*, Ismail Hasanuddin

Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pahang, Malaysia

ABSTRAK - Warga emas ialah peringkat usia istimewa yang memerlukan pengurusan tersendiri. Peningkatan golongan ini dan perubahan gaya hidup masyarakat kontemporari menyebabkan pengurusan diri golongan ini perlu diberi perhatian. Di Malaysia, terdapat dasar dan strategi yang telah digubal dan dirangka dalam pengurusan warga emas berlandaskan pelbagai rujukan. Walau bagaimanapun, tidak disebut secara langsung ajaran Islam turut dijadikan sandaran dalam penggubalan tersebut tanpa dinafikan secara asasnya dasar dan strategi yang dibuat bermatlamat untuk mendatangkan kebaikan dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Walaupun begitu, sebagai satu agama yang *syumul*, Islam telah menyediakan panduan asas dalam pelbagai bentuk pengurusan termasuk pengurusan golongan warga emas. Sehubungan dengan itu, tulisan berbentuk konsep berkaitan maqasid syariah sebagai satu panduan dalam pengurusan warga emas Muslim di Malaysia dibuat bagi menjelaskan penggunaan pendekatan dan prinsip maqasid syariah dalam pengurusan warga emas khususnya yang beragama Islam. Tulisan ini berasaskan kepada data yang diperolehi melalui kajian yang bersifat kualitatif dari jenis kajian perpustakaan. Rujukan kepada sumber utama ajaran Islam serta prinsip-prinsip maqasid syariah dilakukan sebagai sandaran terhadap cadangan yang dikemukakan. Semoga tulisan ini dapat membantu kefahaman masyarakat dalam usaha menambah baik dan memperkasa pengurusan golongan ini.

ABSTRACT - *The elderly are a special age group that requires special management. The increase of this group and the change in the lifestyle of contemporary society cause the self-management of this group to be given attention. In Malaysia, there are policies and strategies that have been formulated in the management of the elderly based on various references. However, it is not directly mentioned that Islamic teachings are also used as a basis in the drafting without denying that the policies and strategies that are made are aimed at bringing good and may not contradict Islamic teachings. Even so, as a comprehensive religion, Islam has provided basic guidance in various forms of management, including the management of the elderly. In connection with that, a conceptual article related to maqasid shariah as a guide in the management of elderly Muslims in Malaysia was made to explain the use of the approach and principles of maqasid shariah in the management of the elderly. This article is based on data obtained through a qualitative study of the type of library research. Reference to the main sources of Islamic teachings as well as the principles of maqasid shariah is done in support to the proposals presented. Hopefully this article can help the community's understanding in an effort to improve and empower the management of this group.*

1.0 PENDAHULUAN

Usia enam puluh tahun dan ke atas merupakan salah satu peringkat dalam kehidupan. Tidak semua manusia sempat merasai usia tersebut kerana ada yang meninggal terlebih dahulu. Mereka yang telah berada pada usia ini dikategorikan sebagai warga emas (Warga Emas, 2019). Pada kategori usia ini, kebiasaannya, tenaga semakin berkurangan. Mereka yang bekerja sudah mula pencen. Sebahagian mula menghadapi penyakit-penyakit tertentu di samping sebahagian dilanda kesunyian kerana anak-anak telah besar, bekularga dan mempunyai kehidupan sendiri.

Di Malaysia, peratusan penduduk yang berstatus warga emas meningkat daripada 10.3 peratus pada 2019 kepada 10.7 peratus pada 2020. Berdasarkan kepada unjuran statistik, Malaysia juga dijangka menjadi negara tua pada tahun 2030 (Lai Wei Sieng, 2020). Menurut unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia dijangka menjadi sebuah negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah

ARTICLE HISTORY

Received : 13th Feb. 2023
Revised : 10th Mar. 2023
Accepted : 15th April 2023
Published : 12th June 2023

KEYWORDS

*Warga Emas,
Pengurusan,
Maqasid Syariah,
Islam,
Penjagaan diri,*

penduduk Negara (Dasar Warga Emas Negara, 2017). Keadaan ini menuntut pelbagai pihak memperkasa pengurusan kumpulan ini kerana mereka telah banyak berjasa serta telah memberikan sumbangan bakti kepada pembangunan masyarakat dan negara. Ini juga supaya baki kehidupan mereka dapat dipenuhi dengan kebaikan di samping keperluan dan kebajikan mereka terjaga.

Terdapat beberapa garis panduan pengurusan warga emas di Malaysia seperti senarai di laman sesawang JKM (Pengurusan Institusi Warga Emas, 2023), Garis Panduan Pengurusan Harta Penghuni bagi Institusi Warga Emas Jabatan Kebajikan Masyarakat (2019) dan Panduan Penjagaan Kesihatan Warga Emas (2021). Telah terdapat Dasar Warga Emas Negara (DWEN) manakala Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah diluluskan pada 5 Januari 2011. DWEN dan PTWEN merupakan komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan Negara. Matlamat Dasar Warga Emas Negara ialah mendayaupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta membangunkan persekitaran yang membantu warga emas hidup sejahtera.

Asas rujukan kepada Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara ialah pelbagai dokumen peringkat tempatan mahupun antarabangsa sebagaimana jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Senarai Dokumen Rujukan Dasar Warga Emas Negara (Dasar Warga Emas, 2011)

Dokumen Rujukan (Antarabangsa)	Dokumen Rujukan (Nasional)
1. Vienna International Plan of Action, 1982;	12. Perlembagaan Persekutuan,
2. Principles for Older Persons, 1991;	13. Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (1990),
3. International Conference on Population and Development, 1994;	14. Dasar Pembangunan Nasional (1991),
4. The Copenhagen Declaration on Social Development, 1995;	15. Dasar Sosial Negara (2003);
5. Agenda for Action on Social Development in the ESCAP Region, revised 1997;	16. Dasar Kesihatan Warga Emas (2008);
6. Macao Declaration and Plan of Action on Ageing for Asia and the Pacific, 1999;	17. Wawasan 2020
7. Shanghai Implementation Strategy, 1999;	18. Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia.
8. Millennium Development Goals, 2000;	
9. Madrid International Plan of Action on Ageing (MIPAA), 2002;	
10. WHO Active Ageing Framework, 2002; dan	
11. United Nations Guide to the National Implementation of the Madrid International Plan of Action on Ageing, 2008.	

Melihat kepada senarai rujukan di atas, tidak disebut tentang ajaran Islam sebagai salah satu sumber rujukan dalam membina dasar dan pelan pengurusan warga emas negara sedangkan negara ini majoriti penduduknya beragama Islam dan agama Islam merupakan agama persekutuan. Di samping itu, Islam bersifat syumul iaitu prinsip, hukum hakam dan ajarannya merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia serta merentasi pelbagai sempadan iklim dan usia. Dengan itu, panduan daripada ajaran Islam seharusnya dilihat dan dimanfaatkan bagi mempelbagaikan lagi sumber rujukan dalam pengurusan warga emas ini.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Tulisan ini dikemukakan bagi mencadangkan agar ajaran Islam melalui pendekatan pengurusan berteraskan maqasid syariah turut dijadikan antara rujukan dalam merangka dasar, pelan dan panduan dalam pengurusan warga emas terutamanya kepada yang beragama Islam. Ajaran Islam tidak disebut secara langsung sebagai salah satu rujukan dalam merangka dasar dan strategi Dasar Warga Emas Negara. Ini bukanlah bermakna dasar, strategi dan pelaksanaan yang ada bercanggah dengan ajaran Islam. Secara asasnya dasar dan strategi yang dibuat tentulah bermatlamat untuk mendatangkan kebaikan dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Walaupun begitu, sebagai satu agama yang syumul, Islam telah menyediakan panduan asas dalam pelbagai bentuk pengurusan termasuk pengurusan golongan yang berada pada usia emas. Justeru, dicadangkan supaya ajaran Islam melalui pendekatan pengurusan berteraskan maqasid syariah dijadikan salah satu panduan dalam pengurusan warga emas khususnya yang melibatkan orang Islam.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian bersifat kualitatif dari jenis kajian perpustakaan. Pelbagai literatur yang berkaitan dengan Islam, maqasid syariah dan prinsip-prinsipnya khususnya yang berkaitan dengan pengurusan dirujuk. Begitu juga literatur yang berkaitan warga tua dan pengurusan mereka.

4.0 PERBINCANGAN

4.1 *Maqasid Syariah dan Aplikasinya dalam Pengurusan Warga Emas*

Istilah maqasid syariah terdiri daripada gabungan dua perkataan iaitu maqasid dan syariah. Maqasid merupakan kata jamak kepada perkataan *maqsid* yang bererti tujuan atau maksud (al-Marbawi, 1998). Secara ringkasnya, apabila digabungkan perkataan maqasid dan syariah, ia boleh diertikan sebagai tujuan, matlamat dan objektif syariah.

Dari sudut istilah, pelbagai definisi maqasid syariah telah diberikan oleh pelbagai tokoh pengkaji ilmu ini. Antaranya ialah hikmah-hikmah, *masalih* (kebaikan) dan manfaat-manfaat (Ibn 'Asyur, 2011), tujuan-tujuan yang didatangkan syariah untuk mendatangkan kemaslahatan hamba (al-Raysuni, 2011) dan *maslahah* syariah, tujuan-tujuan dan tanda-tandanya yang bertujuan untuk memperelok kemanusiaan dan kebahagiaannya pada kehidupan mereka dunia dan akhirat (al-Khadimi, 2003). Terdapat pelbagai lagi definisi yang diberikan oleh pelbagai tokoh lain tetapi secara umum, maksudnya sama iaitu berkisar tentang tujuan pensyariaan untuk memelihara kebaikan (*maslahah*) dan menolak kemudaratan (*mafsadah*) kepada individu dan masyarakat, dunia dan akhirat.

Ajaran Islam yang syumul merangkumi semua aspek kehidupan manusia merentasi kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat. Matlamat Allah menetapkan prinsip-prinsip, panduan dan hukum-hukum (maqasid syariah) pula ialah agar manusia mendapat kebaikan (*maslahah*) dalam kehidupan mereka dunia dan akhirat. Menurut al-Shatibi (2011), syariat Islam ialah satu rahmat dan tujuan utamanya adalah untuk mendatangkan kebaikan (*maslahah*) dan menolak kemudaratan (*mafsadah*) dunia dan akhirat.

Secara ringkasnya, maqasid syariah ialah satu ilmu yang membincangkan tentang matlamat atau objektif disyariatkan hukum iaitu memelihara kebaikan dan menolak kemudaratan dalam kehidupan manusia dunia dan akhirat. Berdasarkan keluasan ajaran Islam, peranan maqasid syariah turut mencakupi aktiviti manusia dalam urusan pengurusan dan pentadbiran (Tuan Sidek & Ismail, 2021) termasuklah dalam pengurusan warga emas.

Maqasid Syariah memberi penekanan kepada natijah akhir atau matlamat sesuatu tindakan tanpa mengabaikan kaedah atau cara yang diambil untuk sampai kepada matlamat. Dengan kata lain, penekanannya dalam pengurusan ialah penghasilan kebaikan (*maslahah*) dan penolakan kemudaratan melalui kaedah yang baik dan betul. Kebaikan dan keburukan diukur dengan panduan wahyu, akal dan kajian empirikal. Kebaikan yang ingin diperolehi dan dijaga hendaklah bersifat inklusif, holistik dan hakiki. Begitu juga keburukan yang hendak jauhi.

Hukum-hukum fiqh yang berkaitan dengan tindakan dan aktiviti manusia tidak terkeluar daripada lima kategori iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Dalam kerangka maqasid syariah, kelima-lima hukum tersebut mewakili pelbagai kebaikan (*maslahah*) yang hendak dicapai dan kemudaratan (*mafsadah*) yang hendak ditolak. Wajib, sunat harus mengandungi *maslahah*. Makruh dan haram pula mengandungi *mafsadah*. Semakin besar kebaikan yang hendak dicapai, semakin besar pula tuntutan melakukannya dan sebaliknya semakin besar kemudaratan, semakin besar pula tegahannya (Tuan Sidek, 2021). Pelbagai aktiviti pengurusan warga emas termasuk dalam aktiviti manusia yang juga berada pada salah satu daripada lima hukum tersebut. Aktiviti pengurusan yang baik berada pada kategori yang mendatangkan *maslahah* dan begitulah sebaliknya pengurusan yang tidak baik berada pada kategori *mafsadah*. Sehubungan dengan itu, mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratan yang menjadi matlamat maqasid syariah dan prinsip-prinsip yang berkaitan boleh dijadikan sebagai asas dalam pengurusan warga emas

Di samping matlamat umum maqasid syariah mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratan, ia juga menetapkan tingkat-tingkat kebaikan yang perlu dijaga. Tingkat yang paling utama ialah penjagaan kebaikan yang berbentuk keperluan asasi (*daruriyyat*). Perkara *daruriyyat* dalam kehidupan manusia merangkumi penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Peringkat berikutnya ialah penjagaan pada peringkat keperluan (*hajiyyat*) dan penjagaan peringkat penyempurnaan (*tahsiniyyat*) (Tuan Sidek & Ismail, 2021). Matlamat untuk mendatangkan kebaikan berpandukan kepada kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip maqasid syariah yang telah digariskan boleh membantu dalam memberi panduan kepada warga emas dan pihak yang terlibat dalam pengurusan mereka untuk membuat penambahbaikan dalam pengurusan.

Bagi Islam, kurniaan umur panjang merupakan suatu kebaikan yang dianugerah oleh Allah sekiranya diisi dengan kebaikan. Terdapat hadis Nabi SAW berkaitan usia yang panjang yang bermaksud berikut;

أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ النَّاسِ خَيْرٌ قَالَ: مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَحَسُنَ عَمَلُهُ. قَالَ: فَأَيُّ النَّاسِ شَرٌّ قَالَ: مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَسَاءَ عَمَلُهُ.

Maksudnya: Sesungguhnya seorang lelaki bertanya wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling baik. Jawab baginda SAW: Seorang yang Panjang umurnya dan baik amalannya. Lelaki tersebut bertanya lagi: Siapakah pula manusia yang

paling buruk? Jawab baginda SAW: Orang yang panjang umur tetapi buruk amalannya (rujuk hadis 2330) (al-Tirmidzi, Abu Isa, al-Jfmi' al-Shahih Li al-Tirmidzi, 1963).

4.2 Panduan Pengurusan Warga Emas Berpandukan Prinsip Maqasid Syariah

Pengurusan yang berteraskan maqasid Syariah ialah pengurusan bermatlamat mendatangkan kebaikan (*maslahah*) dan menolak kemudaratan (*mafsadah*). Kebaikan dan kemudaratan tersebut berpandukan syarak, sumber-sumber perundangan Islam dan kaedah-kaedah penetapan *maslahah* tanpa menafikan peranan pengalaman dan kajian manusia. Tulisan ini membahagikan pengurusan warga emas kepada dua aspek iaitu pengurusan diri oleh warga emas dan pengurusan pihak yang berkaitan terhadap mereka.

Pengurusan diri yang betul merupakan asas kepada kejayaan dan kebahagiaan seseorang. Walau apapun perubahan yang berlaku di sekeliling, seseorang yang kuat dan mampu menguruskan dirinya luaran dan dalaman dengan baik, boleh menghadapi pelbagai perubahan tersebut dengan baik juga. Asas dalam pengurusan diri warga emas ialah mereka perlu sebaik mungkin menguruskan diri mereka dengan bermatlamat untuk mendatangkan kebaikan kepada diri pada kehidupan dunia dan akhirat. Termasuk dalam makna kebaikan kepada diri ialah tindakan yang memberikan kebaikan kepada pihak lain. Ini kerana hakikat kebaikan kepada diri merangkumi kebaikan yang dibuat seseorang kepada orang atau pihak lain. Hal ini bertepatan dengan firman Allah:

إِنْ أَحْسَنْتُمْ أَحْسَنْتُمْ لَأَنْفُسِكُمْ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا

Maksudnya: Jika kamu berbuat kebaikan, (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu; dan jika kamu berbuat kejahatan, maka (kesannya yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga. (al-Isra' 17:7)

Justeru, disarankan agar warga emas menitik berat beberapa perkara berikut dalam menguruskan diri mereka agar mereka memperoleh kebaikan sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.

4.3 Tanam Dan Lazimi Diri Dengan Sifat Syukur Dan Sabar

Sebagai seorang yang telah dikurniakan umur yang agak panjang hingga ke usia emas serta telah melalui pelbagai kejayaan, kegagalan, kurniaan dan kehilangan, seseorang perlulah mensyukuri apa yang ada. Dengan umur yang masih ada, peluang untuk bertaubat dan menambahkan amal kebaikan masih terbuka. Setiap detik kehidupan yang berbaki perlu digunakan sebaik mungkin untuk diisi dengan kebaikan. Sebaiknya, pada setiap pagi ketika bangun dalam keadaan masih bernyawa, seseorang warga emas bersikap positif mensyukuri peluang kehidupan yang masih berbaki. Peluang taubat dan berbuat kebaikan sentiasa terbuka luas selagi mana nyawa belum sampai ke halkum. Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يَقْبَلُ تَوْبَةَ الْعَبْدِ مَا لَمْ يُعْرَ غُرْ

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menerima taubat seseorang selagi dia belum gharghar (nyawa sampai ke halkum)* (rujuk hadis 3527) (al-Tirmidzi, Abu Isa, al-Jfmi' al-Shahih Li al-Tirmidzi, 1963).

Di samping taubat, memperbanyakkan amal kebaikan merupakan suatu tuntutan sebagai bekal dan pelaburan pada kehidupan selepas kematian. Ia juga turut menghapuskan kejahatan pernah dilakukan sebagaimana firman Allah:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفِي النَّهَارِ وَزُفَا مِنَ اللَّيْلِ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ السَّيِّئَاتِ ذَلِكَ ذِكْرَى لِلذَّاكِرِينَ

Maksudnya: Dan dirikanlah sembahyang (wahai Muhammad, engkau dan umatmu), pada dua bahagian siang (pagi dan petang), dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya dari waktu malam. Sesungguhnya amal-amal kebajikan (terutama sembahyang) itu menghapuskan kejahatan. Perintah-perintah Allah yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat (Hud 11:114).

Pada usia sebegini juga, pelbagai nikmat kesihatan tubuh badan, keceriaan anak pinak dan kawan-kawan telah sedikit demi sedikit berkurangan. Keadaan ini juga menuntut warga emas supaya bersabar atas ujian khususnya dengan ujian kemerosotan kekuatan fizikal dan kesihatan. Syukur dan sabar akan membantu mengekalkan sikap positif seseorang. Tanpa sikap ini, seseorang boleh cenderung untuk berfikir negatif, kecewa, rungsing dan lain-lain yang boleh memburukkan kesihatan fizikal dan mental.

Dari perspektif maqasid syariah, melazimi sikap syukur dan sabar dapat memenuhi penjagaan nyawa dan secara tidak langsung turut menyumbang kepada penjagaan agama sama ada pada peringkat *daruriyyat*, *hajjiyyat* mahupun *tahsiniyyat*.

- 1) Menjaga pemakanan dan kesihatan. Penjagaan pemakanan dan kesihatan juga penting pada usia sebegini. Ia secara langsung berada di bawah kategori penjagaan nyawa. Tubuh badan yang sihat menjadikan seseorang kekal cergas dan aktif. Dengan badan yang sihat, pelbagai kebaikan boleh dibuat untuk kebaikan diri dan masyarakat.
- 2) Memperbanyakkan usaha menambah dan berkongsi ilmu. Dengan ilmu yang ada, seseorang dapat berpegang dengan kebenaran dan beramal mengikut panduan yang betul. Secara langsung, Ilmu berada pada kategori penjagaan akal. Secara tidak langsung, kesan daripada ilmu sangat besar kepada penjagaan agama.

Berdasarkan kebiasaan, ketika usia warga emas, beban tanggungjawab mengurus anak-anak telah berkurangan atau telah tiada. Terdapat warga emas yang mula keseorangan atau tinggal berdua kerana anak-anak telah mempunyai kehidupan sendiri. Pada waktu ini, sebaiknya seseorang memperbanyakkan usaha mencari ilmu terutamanya ilmu keagamaan agar dengan ilmu tersebut seseorang lebih terpandu untuk mendekati diri kepada Allah. Usaha menambah ilmu berbeza mengikut tahap ilmu yang dimiliki. Bagi yang masih belum kukuh kefahaman fardu ain sama ada tauhid, fiqh mahupun tasawuf, sebaiknya diperkukuhkan kefahaman berkaitan perkara-perkara tersebut. Mereka yang sudah menguasainya, sebaiknya ditambah ilmu dengan menghadiri pelbagai kelas-kelas pengajian bertujuan untuk menambah kefahaman dan peringatan tentang hakikat diri dan kehidupan. Menurut Imam al-Ghazali (1999), seseorang yang mencari ilmu untuk menjadikannya sebagai bekalan ke negeri akhirat dan melakukannya untuk mendapat keredaan Allah, dia termasuk di dalam golongan yang beruntung.

Pada usia emas, sudah tentu pelbagai pengalaman dan ilmu yang telah diperolehi. Sebaiknya seseorang berkongsi pengalaman-pengalaman dan ilmu tersebut dengan masyarakat khususnya dengan golongan yang lebih muda. Perkongsian ini bukan sahaja memberi kebaikan kepada pihak yang mendengar, pihak yang berkongsi juga turut mendapat kebaikan sama ada dari sudut pahala mahupun jiwa.

- 3) Memperbanyakkan ibadat khusus. Dari perspektif maqasid Syariah, ia berada pada kategori penjagaan agama. Penjagaan agama merupakan asas kepada penjagaan keperluan asasi (*daruriyyat*) manusia. Amalan yang baik memberi kesan yang baik kepada penjagaan nyawa, akal, keturunan dan harta.

Seorang warga emas seharusnya menginsafi waktu hidupnya di atas dunia sudah tidak lama. Masa-masa yang berbaki hendaklah digunakan sebaik mungkin untuk menambahkan ibadah khusus. Bermula dengan memperbaiki kualiti amalan yang wajib, meninggalkan yang haram dan memperbanyakkan yang sunat. Nabi SAW:

من عادى لي وليا فقد آذنته بالحرب. وما تقرب إلي عبدي بشيء أحب إلي مما افترضت عليه، وما يزال عبدي يتقرب إليّ إن شاء الله تعالى قال: بالنوافل حتى أحبه، فإذا أحببته كنت سمعه الذي يسمع به، وبصره الذي يبصر به، ويده التي يبطش بها، ورجله التي يمشي بها، وإن سألني أعطيته؛ ولئن استعاذني لأعيذنه

Maksudnya: *Bersabda Rasulullah SAW: sesungguhnya Allah SWT berfirman: Barang siapa yang menyakiti waliKu maka sesungguhnya Aku memaklumkan perang kepadanya. Dan tiada mendekati hambaKu kepadaKu dengan suatu pekerjaan yang aku lebih sukai daripada mengerjakan apa yang telah aku fardukan ke atasnya. Dan sentiasalah hambaKu mendekati dirinya kepadaKu dengan melakukan segala yang sunat hingga aku mencintainya. Maka apabila Aku telah mencintainya adalah Aku yang menjadi pendengarannya yang ia dengar dengannya, dan tangannya yang ia tamparkan dengannya, dan kakinya yang ia berjalan dengannya dan demi jika dia meminta kepadaku, nescaya Aku berikan kepadanya dan demi jika dia meminta perlindungan kepadaKu, nescaya Aku memperlindunginya* (rujuk hadis 6502, Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, 2011).

Pada usia sebegini, sebaiknya masa diisi dengan aktiviti ibadah khusus dengan menambah amalan sunat seperti zikir, membaca al Quran dan lain-lain. Lakukan aktiviti sosial dengan matlamat mendatangkan kebaikan dunia dan akhirat, bukan hanya berdasarkan amalan kebiasaan masyarakat.

- 4) Terlibat dalam pelbagai aktiviti kebajikan. Dengan pengalaman yang ada di samping masa yang lebih lapang ketika berada pada usia sebegini, disarankan kepada warga emas yang masih sihat untuk melibatkan diri secara aktif mengikut keupayaan diri masing-masing dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dengan menyumbang masa, tenaga, wang ringgit, buah fikiran dan sumbangan-sumbangan lain yang diperlukan kepada pelbagai institusi kemasyarakatan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO). Aktiviti sebegini dapat mengisi masa dan ia juga termasuk dalam amal soleh yang memberikan kebaikan kepada mereka. Pengelibatan mereka dalam aktiviti sebegini juga dapat membantu kesihatan fizikal dan mental mereka. Dari sudut maqasid Syariah, pengelibatan mereka dalam kerja-kerja kebajikan ini turut membantu dalam usaha mendatangkan kebaikan (*masalahah*) kepada diri mereka dan masyarakat.

Perkara satu hingga lima dinyatakan adalah saranan langsung kepada warga emas pada pengurusan diri. Bagi pihak yang terlibat dalam pengurusan warga emas pula seperti anak-anak, waris terdekat, pimpinan masyarakat, pekerja, pegawai dan pengurus pelbagai institusi berkaitan, pengurusan mereka juga sepatutnya diasaskan kepada matlamat mendatangkan kebaikan (*masalahah*) dan menolak kemudaratan (*mafsadah*). Keutamaan dalam pengurusan perlu dibuat mengikut peringkat-peringkat keperluan asasi (*daruriyyat*), keperluan (*hajiyyat*) dan penyempurnaan (*tahsiniyyat*).

Dalam usaha memberi yang terbaik, perkara asas yang perlu ada pada pihak yang mengurus warga emas ialah ilmu, kemahiran dan sikap serta matlamat yang betul. Menurut Muhammad Haizril (2019), pengetahuan tentang perubahan fisiologi dan psikologi, permasalahan kesihatan dan perubahan diri warga emas serta pengetahuan pengurusan golongan ini sangat membantu dalam pengurusan mereka. Begitu juga dengan pelbagai kemahiran berkaitan seperti kemahiran melayan, berkomunikasi dan mengurus. Sikap yang betul seperti empati dan sabar juga sangat diperlukan.

Niat atau matlamat yang betul pada pengurusan warga emas menjadi tonggak utama yang perlu diambil berat yang diumpamakan seperti ruh menggerakkan (Wan Roslili, 2008). Oleh itu niat dan matlamat memberikan kebaikan kerana

mencari reda Allah perlu sentiasa disemai dan disemat dalam hati mereka yang terlibat kerana dengan niat dan matlamat betul sahaja seseorang mampu untuk mengharungi pelbagai cabaran dalam memberikan yang terbaik.

Antara asas yang lain ialah sifat menghormati warga emas. Secara fitrah, manusia sukakan penghormatan, apatah lagi ketika berada pada usia emas. Nabi SAW telah memberi panduan kepada pelbagai pihak dalam mengurus dan berinteraksi dengan mereka yang lebih tua termasuklah warga emas sebagaimana sabda baginda SAW:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيَعْرِفْ شَرَفَ كَبِيرِنَا

Maksudnya: *Bukan dari kalangan kami mereka yang tidak mengasih yang lebih muda dan tidak mengetahui kemuliaan (menghormati) yang lebih tua* (rujuk hadis 1920) (Al-Tirmidhi, Muhammad bin Isa, 2004).

Seterusnya adalah beberapa cadangan kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam pengurusan warga emas.

- 1) Anak-anak merupakan pihak yang paling dekat dengan ibu bapa yang telah berstatus warga emas. Tanggungjawab anak-anak ialah berbuat baik kepada keduanya merangkumi aspek jasmani dan ruhani. Keperluan jasmani ibu bapa perlu dilihat dan dipenuhi mengikut keupayaan anak-anak berpandukan kepada keutamaan. Anak-anak perlu melayan kedua ibu bapa dengan kasih sayang dan kesabaran terutamanya jika kedua-dua atau salah seorang telah jatuh sakit. Anak-anak perlu memastikan mereka tidak menyakiti perasaan kedua-duanya. Al-Quran memberi panduan kepada anak-anak dalam mengurus ibu bapa yang telah tua sebagaimana firman Allah:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا
وَإِخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذَّلِيلِ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيْتَنِي صَغِيرًا

Maksudnya: *Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil* (Surah al-Isra': 23-24).

Bagi menunjukkan betapa pentingnya pengurusan yang baik terhadap ibu bapa yang berada pada usia warga emas, Nabi SAW bersabda:

رَغِمَ أَنْفٌ تَمَّ رَغِمَ أَنْفٌ. قِيلَ مَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: مَنْ أَدْرَكَ أَبَوَيْهِ عِنْدَ الْكِبَرِ أَحَدَهُمَا أَوْ كِلَيْهِمَا فَلَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ

Maksudnya: *"Kehinaan, kehinaan, kehinaan". Baginda ditanya: "Siapa (yang engkau maksudkan) wahai Rasulullah?" Rasulullah menjawab: "Siapa sahaja yang mempunyai orang tuanya ketika sudah lanjut usia, salah satu atau keduanya namun tidak (menjadikannya sebab) masuk syurga."* (rujuk hadis 2551) (Al-Naisaburi, Muslim bin al-Hajjaj, 2007)

Penegasan yang telah disebut oleh Nabi SAW menunjukkan Islam sangat menuntut anak-anak agar berbakti dan berbuat baik kepada kedua ibu bapanya ketika mereka berada pada usia emas. Anak-anak yang berbakti dengan kasih sayang dan kesabaran dijanjikan dengan balasan syurga. Ia bukanlah satu perkara yang mudah untuk dilakukan. Walau bagaimanapun, dengan ilmu, kemahiran dan matlamat yang betul, insyaallah, ia boleh mampu dilaksanakan.

- 2) Pekerja institusi yang terlibat dalam menguruskan warga emas. Mereka mestilah berurusan dengan warga emas dengan sebaik mungkin seperti menjaga perasan, penuhi keperluan fizikal, emosi dan kerohanian.
- 3) Bagi pengurus dan pemilik institusi yang mempunyai kaitan dengan warga emas, mereka perlu merancang, mengurus, melaksana dan menilai kaedah pelaksanaan pengurusan mereka terhadap warga emas dari semasa ke semasa agar penambahbaikan bermatlamat untuk mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratan sentiasa dibuat. Dalam merancang, mengurus dan membuat penilaian, keutamaan seharusnya diberi perhatian berdasarkan pendekatan memenuhi penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dengan mandahulukan keperluan mengikut peringkat *daruriyyat*, kemudian *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*.

Sebaiknya pelbagai keperluan warga emas pada ketiga-tiga peringkat dapat dipenuhi. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku keadaan yang menyebabkan perlu didahulukan antara satu sama lain, maka dahulukan keperluan asasi (*daruriyyat*). Dalam memenuhi keperluan asasi warga emas, bukan sahaja disediakan infrastruktur yang selesa untuk memenuhi keperluan fizikal, tetapi perlu juga diambil berat kefahaman agama, penambahan ilmu pengetahuan dan amalan keagamaan untuk memenuhi keperluan penjagaan agama yang kesannya memberikan kebaikan kepada jiwa dan ruh.

- 4) Pembuat dasar memainkan peranan yang penting dalam pengurusan warga emas. Mereka meletakkan falsafah, matlamat, prinsip dan peraturan berkaitan pengurusan warga emas. Sehubungan dengan itu, panduan syarak yang

objektifnya ialah mendatangkan kebaikan (*maslahah*) dan menolak kemudaratan (*mafsadah*) boleh dijadikan sebagai salah satu rujukan utama dalam penetapan matlamat, dasar dan peraturan berkaitan dengan warga emas terutamanya warga emas yang beragama Islam.

5.0 KESIMPULAN

Warga emas merupakan satu kategori masyarakat yang telah mencapai umur enam puluh tahun dan ke atas. Golongan ini mempunyai ciri-ciri dan keistimewaan tersendiri. Bagi mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratan, golongan ini perlu mengurus diri dan diurus dengan sebaik mungkin. Islam sebagai agama yang syumul telah memberi pelbagai panduan kepada warga emas untuk menguruskan diri agar mereka memperoleh kebaikan. Islam juga memberi panduan kepada pembuat dasar dan pelbagai pihak yang mempunyai hubungan dengan warga emas untuk menetapkan dasar dan peraturan serta menguruskan mereka dengan pengurusan yang terbaik dengan penekanan kepada pencapaian *maslahah* dan penolakan *mafsadah* dalam kehidupan mereka di dunia dan akhirat.

Penulisan konsep sebegini hanya menjelaskan kesesuaian maqasid syariah sebagai salah satu panduan dalam pengurusan warga tua. Dicadangkan agar dibuat kajian secara lebih mendalam dengan melihat pelbagai dasar, strategi dan praktik sedia ada dan berpandu pendekatan maqasid syariah. Mudah-mudahan ia akan membantu dalam memperkasa pengurusan warga emas.

6.0 RUJUKAN

- [1] Al-Quran al-Karim.
- [2] Abdullah Basmieh (2002). Tafsir Pimpinan al-Rahman. Kuala Lumpur, Darulfikir.
- [3] Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail (2011). Sohih al-Bukhari. Kaherah, Dar al-Ghad al-Jadid.
- [4] Dasar Warga Emas Negara, Portal Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kemaskini 2017. <https://www.jkm.gov.my/-jkm/index.php?r=portal/left&id=WjFUDFBURTV0Zis0N0N0xYm05Qk9XQT09>
- [5] Dasar Warga Emas Negara (2011), laman sesawang, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/Dasar%20Warga%20Emas_2011.pdf
- [6] Garis Panduan Pengurusan Harta Penghuni bagi Institusi Warga Emas Jabatan Kebajikan Masyarakat, laman sesawang JKM, kemaskini 2019, <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=NVE5TVRD-dXJ2TWw3Tit6WmsyQjNPdz09>
- [7] Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad (1999). Bidayatul Hidayah. Ahmad Fahmi Zamzam, Penerjemah. Kedah, Khazanah Banjariah.
- [8] Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir (2011). Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah. 'Amman, Dar al-Nafa'is.
- [9] Al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar (2003). al-Maqasid al-Shar'iyyah Ta'rifuha Amthilatuha Hujjiyyatuha. Riyad: Kunuz Eshbelia.
- [10] Lai Wei Sieng. Isu penuaan penduduk wajar diberi perhatian. Berita Harian Online, 30 Nov., 2020, <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/11/759896/isu-penuaan-penduduk-wajar-diberi-perhatian>
- [11] Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd al-Rauf (1998). Kamus Idris al-Marbawi. Kuala Lumpur, Darul Nu'man.
- [12] Muhammad Haizril Arif, "Tips Penjagaan Warga Emas," The Malaysian Medical Gazette, 29 Nov, 2019.
- [13] Al-Naisaburi, Muslim bin al-Hajjaj (2007). Sohih Muslim. Kaherah, Dar al-Ghad al-Jadid.
- [14] Panduan Penjagaan Kesihatan Warga Emas, Portal Kerajaan Malaysia, kemaskini 2021. <https://www.malaysia.gov.my/-portal/content/27753?language=my>
- [15] Pengurusan Institusi Warga Emas, 2023, laman sesawang JKM <https://online.jkm.gov.my/pengurusan-institusi-warga-emas>
- [16] Al-Qazwini, Muhammad bin Zayd (2005). Sunan Ibn Majah. Kaherah, Dar ibn al-Haitham.
- [17] Al-Raysuni, Ahmad (2011). Nazariyyah al-Maqasid 'ind al-Imam al-Shatibi. Maghribi, Maktabah al-Hidayah.
- [18] Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa (2011). al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah. Kaherah, Dar al-Ghad al-Jadid.
- [19] Tuan Sidek Tuan Muda (2021). Panduan Memahami Maqasid Syariah. Kuantan, Penerbit UMP.
- [20] Tuan Sidek T.M. & Ismail. Membudayakan Cara Membuat Keputusan Berteraskan Maqasid Syariah dalam Pengurusan Organisasi, International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC) Issue 10, Vol 2 March 2021. pp 15-26.
- [21] Al-Tirmidhi, Muhammad bin Isa (2004). Sunan al-Tirmidhi. Kaherah, Dar Ibn al-Haitham.
- [22] <https://www.mm gazette.com/tips-penjagaan-warga-emas-muhammad-haizril-arif-md-mokhtar/>

- [23] Wan Roslili Abd Majid, "Niat: Paksi Segala Amalan," Berita Harian, 22 Jan 2008. <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2008/01/22/niat-paksi-segala-amalan/>
- [24] Warga Emas. Laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 2019, dilayari pada 5/7/2022 di <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VEpUUXV3THFURkZETmxWNjZpQ1BXdz09>